

208
SOALAN NO. 278

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI

[BATU PAHAT]

TARIKH : 23 OKTOBER 2017

SOALAN :

Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan isu kerakyatan anak-anak yang dipelihara dan dibesarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti yang tersebar berita secara meluas dalam media sosial baru-baru ini. Apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh Kementerian memastikan "anak-anak Kerajaan" ini diberikan kerakyatan Malaysia .

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin terhadap isu kerakyatan bagi kanak-kanak yang ditempatkan di institusi kanak-kanak di bawah kendalian jabatan. Walau bagaimanapun pemberian kewarganegaraan seseorang kanak-kanak adalah tertakluk kepada Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Pada masa ini Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab menguruskan 35 buah institusi kebajikan kanak-kanak di seluruh negara. Institusi-institusi tersebut adalah Rumah Kanak-Kanak, Asrama Akhlak, Taman Seri Puteri dan Sekolah Tunas Bakti. Terdapat kanak-kanak yang tinggal di institusi ini khususnya di Rumah Kanak-Kanak tidak mengetahui ibu bapa kandung mereka sejak lahir kerana mereka ditinggalkan di rumah ibadat, stesen bas, di hadapan rumah individu lain dan sebagainya. Oleh yang demikian, kanak-kanak ini tergolong sebagai

kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan mengikut Seksyen 17(1)(e) Akta Kanak-kanak 2001. Bagi kes seumpama ini, kelazimannya status kewarganegaraan yang tercatat di dalam Sijil Kelahiran kanak-kanak adalah "**BELUM DITENTUKAN**".

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa memastikan kebajikan terhadap kanak-kanak di institusi diberi pembelaan sewajarnya. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memastikan kanak-kanak mempunyai dokumentasi diri dan mendapat taraf kerakyatan. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan adalah:

- i. Menguruskan Permohonan Daftar Lewat Kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara agar kanak-kanak yang ditempatkan di institusi kebajikan memperolehi Sijil Kelahiran. Bantuan turut diberikan kepada klien Jabatan yang menghadapi masalah untuk mendaftarkan kelahiran anak mereka di pejabat-pejabat JPN di setiap Daerah dan negeri.
- ii. Menguruskan permohonan kewarganegaraan kanak-kanak yang masih belum ditentukan kewarganegaraan dengan memanjangkan

permohonan kepada Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari masa ke semasa apabila ada kemasukan kes-kes yang melibatkan pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak.

- iii. Mengadakan perjumpaan inter-agensi dengan Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Pelajaran dan Jabatan Imigresen bagi membincangkan isu-isu mengenai dokumentasi dan kewarganegaraan kanak-kanak di institusi;
- iv. Mewujudkan garis panduan pentadbiran jabatan bagi menguruskan kes berkaitan kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 dan sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa untuk penambahbaikan; dan
- v. Mengadakan kursus-kursus kepada pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat berkaitan pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak dengan melibatkan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Badan Kehakiman.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
DARIPADA [BATU PAHAT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah "luar biasa" menangani isu-isu persekolahan melihat kepada tindakan rutin dan biasa seperti kaunseling, gantung sekolah, buang sekolah dan seumpamanya tidak menjadikan sekolah tambah "selamat". Kes buli, kes jenayah, merokok, gangsterism, ponteng sekolah dan lain-lain terus berlaku bahkan membiak.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius dan mengambil langkah proaktif dalam membendung salah laku disiplin murid di sekolah. Antara langkah yang diambil ialah:

Melaksanakan Usaha Pencegahan:

- i. Ketegasan Pihak KPM dalam isu buli dan gangsterisme melalui arahan surat pekeliling.

- a. Surat Siaran Menangani Tingkah Laku Ala Samseng dalam Kalangan Murid bertarikh 11 Mac 2009;
 - b. Surat Pekeliling Iktisas Bilangan 8 tahun 2010; Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli dalam Kalangan Murid di Sekolah;
 - c. Surat Siaran Pematuhan Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli dalam Kalangan Murid di Sekolah bertarikh 11 November 2014; dan
 - d. Surat Pekeliling Iktisas Bil. 7/2011; Pelaksanaan *Standard Operating Procedure (SOP) 1;3;7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid Tahun 2011.*
-
- ii. Sekiranya didapati murid terlibat dengan kegiatan sama ada buli atau gangsterisme, Jawatan Kuasa Disiplin Sekolah diminta menjalankan siasatan dan menyiasat sejauh mana pelibatan murid terlibat dan menjadi mangsa. Jawatankuasa ini boleh mencadangkan hukuman dan intervensi yang sesuai kepada pihak Pengetua/Guru Besar Sekolah.

 - iii. Pihak sekolah juga diarah untuk mengadakan Mesyuarat Permuafakatan Sekolah jika difikirkan kes perlu ditangani dengan segera. Melalui Jawatankuasa ini semua pihak berkepentingan akan dilibatkan, antaranya Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) pihak PIBG Sekolah, pihak Polis melalui Pegawai Perhubungan Sekolah, ibu bapa, tertuduh, dan pihak berkepentingan yang lain.

- 214
- iv. Pengisian data salah laku disiplin murid dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) melalui surat siaran bertarikh 8 Mac 2012 Pelaksanaan Sistem salah Laku Disiplin Murid (SSDM) online di sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia 2012.
 - v. KPM telah mengeluarkan Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli Di Sekolah cetakan kedua 2014. Buku Panduan tersebut telah diedar kesemua sekolah KPM. Buku panduan tersebut menjadi panduan kepada pihak sekolah dalam usaha menangani gejala buli di peringkat sekolah.

Melaksanakan Usaha Pemulihan:

- i. Ibu bapa murid terlibat akan dimaklumkan bagi mendapatkan kerjasama dalam menangani masalah ini.
- ii. Murid berkenaan akan dirujuk kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling untuk proses kaunseling.
- iii. Sekiranya ia berpunca daripada masalah rumah tangga, maka kes ini akan dirujuk terus kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- iv. Selain penerapan nilai-nilai murni menerusi PdP dalam bilik darjah, murid-murid sering diperingatkan tentang keburukan kegiatan tersebut menerusi perhimpunan di sekolah
- v. Hukuman keras seperti rotan dan buang sekolah akan dikenakan sebagai usaha akhir bagi menjaga ketenteraman sekolah.

Kerjasama dengan Pihak Luar:

- i. Mewujudkan kerjasama erat bersama pihak PDRM khususnya menerusi program Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang sering melawat serta berbincang dengan pihak sekolah bagi mengatasi gejala tersebut.
- ii. Program Remaja Berwawasan (NBOS) adalah merupakan kerjasama pihak Angkatan Tentera dan Polis dalam usaha menangani disiplin murid dengan lebih berfokus. Sekolah dan murid yang terlibat dalam salah laku disiplin akan diberikan latihan berbentuk teori dan fizikal secara berterusan dengan mengembelingkan kepakaran dan kemahiran tenaga anggota tentera dan polis dalam pelaksanaan aktivitinya.
- iii. Mewajibkan penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) di sekolah iaitu dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF). Aktiviti serta jumlah Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) di sekolah telah diperkemaskan dengan menumpu kepada golongan sasar yang berisiko di sekolah.
- iv. Bekerjasama dengan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) bagi melaksanakan aktiviti pencegahan jenayah di peringkat negeri dan daerah.

Mengadakan Libat Urus Bersama PIBG, NGO dan Agensi Luar:

- i. Semua peringkat pengurusan (JPN, PPD, dan Sekolah) hendaklah secara bijaksana membuat *engagement* dengan ibu bapa menerusi PIBG serta badan atau agensi luar bagi menangani isu disiplin di peringkat masing-masing.
- ii. Kaedah permuafakatan hendaklah digunakan dalam penyelesaian sesuatu isu disiplin murid. KPM memaklumkan peranan ibu bapa dapat dipertingkatkan melalui pendekatan Sarana Ibu Bapa, Sekolah dan Komuniti yang merupakan satu inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).
- iii. KPM telah mengarahkan semua peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) menukuuhkan Jawatankuasa *Taskforce* Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta bagi tujuan memastikan pelaksanaan inisiatif berkenaan berjalan dengan lancar dan menepati objektif serta hasrat PPPM.
- iv. Sarana Ibu Bapa merupakan salah satu program yang dirancang untuk melibatkan PIBG dan ibu bapa agar membantu pihak sekolah dalam meningkatkan kecemerlangan murid sekolah.

Melaksanakan Program/Kempen Amalan Guru Penyayang:

KPM telah mengeluarkan Surat Siaran KPPM Bilangan 4 Tahun 2012: Pelaksanaan Amalan Guru Penyayang dalam KP(BPSH-SPKD) 201/005/02 Jld. 3 (43) bertarikh 8 Februari 2012 kepada semua sekolah melaksanakannya.

Semua sekolah telah diminta mengambil tindakan seperti berikut;

- i. Amalan Guru Penyayang perlu dilaksanakan secara berterusan agar menjadi budaya guru di sekolah.
- ii. Konsep penyayang oleh guru hendaklah dilaksanakan sepanjang masa sama ada di dalam mahu pun di luar bilik darjah.

Program ini bertujuan agar guru membudayakan sikap kasih sayang di sekolah. Ini bermakna Guru Penyayang adalah seorang guru yang memiliki sifat kepedulian terhadap setiap perkara yang berkaitan dengan muridnya dengan cara mengamalkan nilai kasih sayang, bersikap mesra, mengambil berat, berbudi bahasa, saling menghormati, sentiasa ceria, prihatin dan sabar.

Aktiviti utama pelaksanaan Amalan Guru Penyayang adalah;

- i. Mengalu-alukan kehadiran murid
- ii. Memberi penghargaan kepada murid; dan
- iii. Program Mentor Mentee